

## **Penilaian Semula Kesejajaran antara Hasil Pembelajaran Kursus dengan Objektif Pendidikan Program (PEO) dan Hasil Pembelajaran Program (PLO) bagi Kursus yang Ditawarkan di Fakulti Pengajian Islam**

Kod Projek: UKM-PTS-2011-109

<sup>1</sup>Roziah Sidik @ Mat Sidek (Ketua Projek), <sup>2</sup>Amir Husin Mohd Nor, <sup>1</sup>Maheram Ahmad,  
<sup>2</sup>Mohd. Nasran Mohamad, <sup>3</sup>Moktar Hussain & <sup>1,4</sup>Zamri Arifin

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

<sup>2</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, <sup>3</sup>Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam

<sup>4</sup>Institut Kajian Rantu Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

---

### **PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH**

Selaras dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), kesemua program akademik yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia perlu mengamalkan proses Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE). Bagi memenuhi kehendak ini, Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia turut memperkenalkan Pendidikan Berasaskan Hasil dalam program yang ditawarkan. Pelaksanaan OBE mewajibkan setiap program akademik perlu mempunyai Objektif Pendidikan Program (Programme Educational Objectives atau PEO). PEO ialah pernyataan yang menghuraikan pencapaian mahasiswa pada permulaan kerjaya mereka selepas bergraduasi (3-5 tahun) hasil daripada pendidikan yang telah mereka jalani di sepanjang tempoh pengajian mereka. PEO perlu disediakan secara bersama dengan mengambil kira penglibatan pihak berkepentingan dalam program yang ditawarkan, agar ia menepati keperluan dan kehendak mereka. Pihak berkepentingan ini boleh meliputi pelajar, alumni, ibu bapa dan majikan. Penyediaan PEO perlu disusuli pula dengan penyediaan Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes atau PLO). PLO merujuk kepada pernyataan yang menghuraikan apa yang pelajar perlu tahu dan boleh lakukan semasa bergraduasi. Ini merujuk kepada kemahiran, ilmu pengetahuan serta tingkah laku yang telah di kuasai oleh pelajar setelah mengikuti program pengajian dengan jayanya. PLO ini perlu sejajar dengan PEO yang telah dirangka sebelumnya. Satu lagi perkara yang turut berkait dengan Pendidikan Berasaskan Hasil ialah penyediaan Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcomes atau CLO). CLO ialah pernyataan yang menghuraikan apa yang pelajar perlu tahu dan boleh lakukan semasa tamat mengikuti kursus. Ini merujuk kepada kemahiran, ilmu pengetahuan serta tingkah laku yang telah di kuasai oleh pelajar setelah mengikuti sesuatu kursus dengan jayanya. Pernyataan CLO perlu disediakan sejajar dengan PLO. Ia juga turut melibatkan tiga domain iaitu domain kognitif, psikomotor dan afektif.

Pada tahun 2010, Fakulti telah diminta untuk mengadakan semakan semula program akademik sedia ada. Semakan ini melibatkan perubahan besar kepada Hasil Pembelajaran Kursus yang menyaksikan berlakunya penambahan domain afektif dan psikomotor. Justeru, penyelidikan ini memfokuskan kepada penilaian semula kesejajaran antara CLO dengan PEO dan PLO di Fakulti Pengajian Islam. Ia bertujuan untuk menganalisis sejauh mana kesejajaran antara tiga perkara tersebut. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk melakukan penambahbaikan kualiti secara berterusan (CQI) yang merupakan satu keadaan yang perlu diwujudkan dalam setiap program akademik yang ditawarkan. CQI ini boleh dilaksanakan dan dibuktikan dengan mengemukakan satu laporan yang lengkap dengan data empirikal hasil daripada analisis pencapaian yang dilakukan.

Penyelidikan ini bermula pada 1 April 2011 dan tamat pada 31 Mac 2014. Projek ini mempunyai enam orang ahli termasuk Ketua Penyelidik. Ahli lain ialah Prof. Dr. Mohd. Nasran Mohamad, Prof. Madya Dr. Zamri Arifin, Prof. Madya Dr. Amir Husin Mohd Nor, Dr. Maheram Ahmad dan En. Moktar Hussain.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Menganalisis kesejajaran antara CLO dengan PLO dan PEO di Fakulti Pengajian Islam.
2. Melakukan penambahbaikan kualiti secara berterusan (CQI) kepada program akademik yang ditawarkan di Fakulti Pengajian Islam.

### **METODE KAJIAN**

Penyelidikan ini menggunakan metode penyelidikan kualitatif. Data CLO, PLO dan PEO dikumpulkan daripada Dokumen Semakan Kurikulum Sedia Ada 2010. Dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan, penelitian akan dilakukan kepada CLO, PLO dan PEO untuk menentukan tahap kesejajaran antara ketiga-tiganya. Data yang diperolehi kemudiannya akan dianalisis menggunakan kaedah NVIVO dengan menentukan tema yang bersesuaian.

### **PENCAPAIAN PROJEK (OUTPUT)**

#### **Penerbitan**

Sembilan artikel telah disediakan. Satu daripadanya telah diterima untuk diterbitkan dalam *Research Journal of Applied Sciences* (Scopus). Lapan artikel lagi masih dalam proses pemurnian. Maklumat lanjut artikel yang telah diterima untuk diterbitkan adalah seperti berikut:



Medwell Journals  
Tel: +92-41-5003000  
Fax: +92-41-8815599  
<http://medwelljournals.com>

**November 30, 1999**

Dear ROZIAH SIDIK @ MAT SIDEK,

Reference your article number 11571-RJAS entitled "Student Perception of Program Learning Outcome: Case Study at Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia".

I would like to inform you that 1st round evaluation of your article has been completed.

Based on the reviewer`s recommendations, I am delighted to inform you that your manuscript has been initially accepted.

Thank you very much for submitting your article to "*Research Journal of Applied Sciences*".

Best Regards

Muhammad Kamran  
Research Journal of Applied Sciences

### **Persidangan / Bengkel**

Lima orang penyelidik (Ketua projek, Prof. Madya Dr. Zamri Arifin, Prof. Madya Dr. Amir Husin Mohd. Nor, Dr. Maheram Ahmad dan En. Moktar Hussain) telah menghadiri Kongres Pengajaran dan Pembelajaran 2011 di Hotel Vistana, Pualu Pinang pada 17-20 Disember 2011.

### **Modal Insan**

Penyelidikan ini telah menggunakan khidmat seorang Pembantu Penyelidik iaitu En. Anwar Muttaqin selama tiga bulan.

## PERBELANJAAN

Penyelidikan ini telah diperuntukkan dana berjumlah RM20,000.00. Sehingga 19 Mac 2011, sebanyak RM11,853.92 atau 59.27% dana telah dibelanjakan. Perincian maklumat perbelanjaan penyelidikan adalah seperti berikut:

### :: Maklumat Kewangan Penyelidikan

Kod Penyelidikan : PTS-2011-109  
 Sehingga Tarikh : 16/03/2012

VOTE	Agihan	Tambah / Kurang	Viremen	Peruntukan Terlaras	Komitmen	Belanja	Baki
<b>2012</b>							
V21000	Travel & Transportation	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>1,623.40</u>	<u>-1,623.40</u>
V26000	Research Materials & supplies	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>300.40</u>	<u>-300.40</u>
<b>Jumlah Bagi Tahun : 2012</b>		<b><u>0.00</u></b>	<b><u>0.00</u></b>	<b><u>0.00</u></b>	<b><u>0.00</u></b>	<b><u>1,923.80</u></b>	<b><u>-1,923.80</u></b>
<b>2011 Disember</b>							
V00000	Miscellaneous	<u>20,000.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>20,000.00</u>	<u>0.00</u>	<u>20,000.00</u>
V11000	Wages and Allowances for Temporary & Contract Personnel	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>5,400.12</u>	<u>-5,400.12</u>
V21000	Travel & Transportation	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>1,200.00</u>	<u>-1,200.00</u>
V26000	Research Materials & supplies	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>1,980.00</u>	<u>-1,980.00</u>
V29000	Special Services	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>1,350.00</u>	<u>-1,350.00</u>
<b>Jumlah Bagi Tahun : 2011</b>		<b><u>20,000.00</u></b>	<b><u>0.00</u></b>	<b><u>0.00</u></b>	<b><u>20,000.00</u></b>	<b><u>9,930.12</u></b>	<b><u>10,069.88</u></b>
<b>Jumlah Keseluruhan :</b>		<b><u>20,000.00</u></b>	<b><u>0.00</u></b>	<b><u>0.00</u></b>	<b><u>20,000.00</u></b>	<b><u>11,853.92</u></b>	<b><u>8,146.08</u></b>

## KESIMPULAN

Penyelidikan ini diharap dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.